

5H4M NHA TRANG + DALAT + MUINE + HO CHI MINH



**SUNGAI MEKONG ADALAH SUNGAI TERPANJANG
DI ASIA TENGGARA DAN SALAH SATU DESTINASI
WAJIB PELANCONG UNTUK MENEROKAI.**

5H4M

NHA TRANG + DALAT + MUINE + HO CHI MINH



HARI 01 KUALA LUMPUR - NHA TRANG

MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Nha Trang.

Lawatan di **Nha Trang**:

- Menikmati makan tengah hari terlebih dahulu sebelum meneruskan lawatan ke **Vin Wonders**, taman tema besar yang menawarkan pelbagai tarikan dan hiburan untuk pengunjung dari semua peringkat umur. Pelbagai permainan dan tarikan yang menarik, termasuk roller coaster, pertunjukan secara langsung, dan permainan air disediakan di sini.

Bermalam di **Nha Trang**.

HARI 02 NHA TRANG - DALAT

SP/MT/MM

Bertolak ke Dalat (perjalanan dalam 5 jam)

Lawatan di **Dalat**:

- **Dalat Flower Garden**: Taman bunga ini mempunyai keluasan 7000 meter persegi dan mempunyai lebih 300 spesis bunga hidup yang sangat cantik, menjadi destinasi wajib untuk mereka yang bercuti ke Dalat
- **Mongoland**: Taman bertemakan suasana Mongol ini dipenuhi dengan taman bunga, tasik dan miniatur yang mempunyai sudut yang menarik untuk bergambar. Anda boleh berinteraksi dengan haiwan peliharaan yang jinak di sini.
- Membeli belah di **Dalat Night Market** yang terkenal di Dalat. Pasar malam ini dipenuhi dengan gerai berwarna-warni yang menjual pelbagai makanan ringan tempatan, buahan segar, pakaian dan cenderahati.

Bermalam di **Dalat**.

HARI 03 DALAT - MUINE - HO CHI MINH

SP/MT/MM

Lawatan di **Dalat**:

- **Datanla Waterfall**: Rasai pengalaman menarik dengan menaiki mini roller coaster sambil menyusuri keindahan alam semula jadi di Air Terjun Datanla.
- **Clay Tunnel**: Dibina pada tahun 2010, kawasan ini dipenuhi dengan ukiran struktur binaan menggunakan tanah liat. Peserta boleh melihat pelbagai ukiran unik seperti bentuk haiwan, kapal terbang, keretapi dan lain-lain
- **Lam Vien Square**: Dataran ini menampilkan dua struktur seni bina unik berbentuk bunga matahari liar gergasi dan juga tempat yang sesuai untuk bersantai sambil menikmati pemandangan indah Tasik Xuan Huong yang berdekatan.

- **Crazy House**: Bangunan ini dicipta oleh seorang artis Vietnam berumur 79 tahun. Rumah gergasi ini menggabungkan konsep rumah dengan struktur pokok, dahan gergasi dan alam semulajadi seperti haiwan, cendawan, sarang labah-labah dan gua.

Bermalam di **Dalat**.

HARI 04 HO CHI MINH

SP

Bersiap untuk daftar keluar hotel dan bertolak ke Muine (perjalanan dalam 5 jam).

Lawatan di **Muine**:

- **Mui Ne Sand Dunes**: Tempat ini menjadi tarikan pelancong untuk bersantai dan menikmati pengalaman menaiki jeep atas pasir. Padang pasir ini memiliki dua kawasan terdiri daripada Bukit Pasir Merah dan Bukit Pasir Putih. Bukit Pasir Merah terkenal dengan pasir berwarna merah dan oren, menghasilkan landskap yang menyerupai padang pasir, manakala Bukit Pasir Putih pula lebih besar dan agak jauh dari bandar Mui Ne.
- Singgah berhenti di **Fisherman Village** untuk berehat. Tempat ini merupakan kawasan persisiran laut yang menjual pelbagai jenis ikan dan hidupan laut yang lain.

Bermalam di **Ho Chi Minh**.

HARI 05 HO CHI MINH - KUALA LUMPUR

SP/MT

Bergerak ke My Tho (perjalanan dalam 2 jam).

Melawat ke Mekong Delta. **Sungai Mekong** adalah sungai ke 12 terbesar dan terpanjang di dunia dan ke-10 di Asia. Medium pengangkutan di pulau kebanyakannya menggunakan bot dan sampan.

Lawatan di **Mekong Delta**:

- Peserta akan menaiki bot besar dari pelabuhan menuju ke tempat proses gula-gula kelapa. Selain itu, disini juga terdapat kedai yang menjual barangan yang diperbuat dari kulit.
- Menikmati teh madu asli dan menikmati produk lain berasaskan madu.
- Berehat sambil merasai buah-buahan segar sambil menonton tarian kebudayaan.

Lawatan di **Ho Chi Minh**:

- Membeli belah di kilang pembuatan tudung dan baju kurung. Kilang ini bukan sahaja menjual pakaian siap, malah peserta juga boleh menempah baju mengikut saiz dan kualiti yang tersendiri.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PERTUKARAN MATA WANG



VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20



PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8



Muslim Panas:

Jun - September



Muslim Luruh:

Okt - November



Muslim Sejuk:

Disember - Feb



Muslim Bunga:

Mac - Mei

VIETNAM

Dalat

Muine

Ho Chi Minh

TOUR HIGHLIGHTS

1.



VIN WONDERS

Taman tema besar yang menawarkan pelbagai tarikan dan hiburan untuk pengunjung dari semua peringkat umur. Pelbagai permainan dan tarikan yang menarik, termasuk roller coaster, pertunjukan secara langsung, dan permainan air disediakan di sini.

2.



DALAT FLOWER GARDEN

Taman bunga ini mempunyai keluasan 7000 meter persegi dan mempunyai lebih 300 spesis bunga hidup yang sangat cantik, menjadi destinasi wajib untuk mereka yang bercuti ke Dalat.

3.



MUI NE SAND DUNES

Tempat ini menjadi tarikan pelancong untuk bersantai dan menikmati pengalaman menaiki jeep atas pasir. Padang pasir ini memiliki dua kawasan terdiri daripada Bukit Pasir Merah dan Bukit Pasir Putih.

4.



MEKONG DELTA

Sungai Mekong adalah sungai ke 12 terbesar dan terpanjang di dunia dan ke-10 di Asia. Medium pengangkutan di pulau kebanyakannya menggunakan bot dan sampan.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Nha Trang	1 Mlm
Dalat	2 Mlm
Ho Chi Minh	1 Mlm

Jadual Penerbangan

AirAsia

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	AK 204	KUL - CXR	1010	1130
5	AK 525	CXR - KUL	2110	0005

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes). (Hotel berdekatan pantai dan pasar malam).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket Mongoland & roller coaster Datanla.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Tiket masuk ke Vin Wonder.
- Pengangkutan kereta ke jeep di padang pasir Muine.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.